

20 JAN 2002

Nik Aziz-Indon

NIK AZIZ SOKONG HALAU PEKERJA ASING YANG BUAT KACAU

KOTA BAHARU, 20 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyokong amaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed agar pekerja asing pulang ke negara masing-masing jika merasakan negara ini tidak sesuai lagi bagi mereka mencari rezeki.

Beliau berkata pekerja asing yang menimbulkan kekacauan di negara ini patut dihalau balik kerana mereka tidak mengenang peluang yang diberikan kerajaan untuk mencari rezeki.

"Mereka (pekerja asing) tak boleh buat begitu (rusuhan), dia (pekerja asing) datang ke negara kita (Malaysia) dia kena patuh undang-undang negara kita," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat di Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad di sini, hari ini.

Nik Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas rusuhan membabitkan hampir 500 pekerja Indonesia di kilang tekstil Hualon, di Nilai, Negeri Sembilan pada Khamis lepas. Rusuhan tercetus apabila warga Indonesia bertindak ganas bagi membantah penahanan 16 rakan mereka yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Beliau berkata kerajaan boleh membenarkan pekerja asing mencari rezeki di negara ini selagi mereka tidak melanggar undang-undang negara.

Sementara itu, Nik Aziz berkata Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), sebuah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ikhtisad Negeri Kelantan (PKINK) kini merancang untuk meneroka projek tanaman herba.

Beliau berkata tanah gambut yang luas terdapat di negeri ini telah dikenal pasti berpotensi untuk tanaman herba itu.

Kajian juga sedang dilakukan bagaimana herba berkenaan boleh diproses di negeri ini dan dipasarkan ke luar negara, katanya.

Beliau berkata tanaman herba mempunyai nilai pasaran yang tinggi dan sangat dikehendaki terutamanya untuk perubatan dan bahan kosmetik.

-- BERNAMA

BD PR